

# PENYERAHAN CEK DAN LAWATAN PPLU KE SKN 323 TUDM BUKIT LUNCHU

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5001-penyerahan-cek-dan-lawatan-pplu-ke-skn-323-tudm-bukit-lunchu](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/5001-penyerahan-cek-dan-lawatan-pplu-ke-skn-323-tudm-bukit-lunchu)



JOHOR BAHRU, 21 Mei 19 - Panglima Pendidikan dan Latihan Udara (PPLU), Lt Jen Dato' Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM telah menyampaikan cek Bayaran Pampasan Kematian Skim Takaful Kelompok Angkatan Tentera Malaysia kepada waris Allahyarham FSjn Wiranta Yudi bin Chuli yang telah meninggal dunia pada 28 Jun lalu akibat ketumbuhan dalam otak. Cek tersebut telah disampaikan kepada ibu arwah iaitu Serinah bt Kalam di kediaman beliau di Gelang Patah, Johor. Majlis ini telah dibantu oleh Pegawai Memerintah Skn 323 TUDM Bukit Lunchu dan staf.

Seterusnya, Lt Jen Dato' Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM telah membuat lawatan ke Skn 323 TUDM Bukit Lunchu. Beliau disambut oleh Pegawai Memerintah, Lt Kol Mohd Rizal bin Zainal TUDM, pegawai-pegawai dan anggota-anggota Skuadron tersebut. Taklimat ringkas diadakan di bilik mesyuarat dan lawatan ke radar.



